



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 OCTOBER 2016

## Google Adwords bantu usahawan kuasai pasaran

Ulm - 8/10/2016

**BERMULA** dengan sedikit wang simpanan sebelum mendapat suntikan modal daripada pembiayaan PUNB, Wan Mohd Musyris Wan Harujan, 32 kini mampu berbangga dengan pencapaianannya.

Pemuda berasal dari Besut, Terengganu itu mungkin tidak dikenali dalam kalangan usahawan biasa tetapi namanya cukup gah dalam dunia pemasaran internet tempatan.

Lebih dikenali sebagai Sifu WanMus, beliau merupakan pengasas perniagaan syarikat Wanmus Technologies yang menganjurkan seminar teknik pemasaran internet *Google Adwords* kepada peniaga dan usahawan tempatan.

WanMus juga merupakan pengasas laman jualan yang menguruskan tempahan secara atas talian iaitu *OnPay.my*.

Pada masa kini, seminar *Google Adwords* yang dianjurkan oleh syarikatnya menjadi pilihan utama para usahawan untuk meningkatkan potensi perniagaan di alam siber.

Langkah pertama WanMus dalam dunia perniagaan internet bermula kira-kira 10 tahun lalu melalui perkhidmatan membangunkan laman sesawang, penyewaan *domain* dan *web hosting*.

Menyedari potensi besar dalam bidang pemasaran internet (IM), beliau kemudian mendalami bidang itu secara lebih serius dengan menghadiri beberapa siri kursus *Google Adwords* anjuran Google

Inc. di Silicon Valley dan New York, Amerika Syarikat.

Berkat kegigihan itu bukan sahaja menjadikan beliau pengajar *Google Adwords* yang bertauliah bahkan syarikatnya juga ditauliah menjadi satu-satunya syarikat bumiputera yang diiktiraf sebagai *Google Partners*.

WanMus berkata, minat untuk menguasai teknik pengiklanan internet bermula selepas menyedari kemampuan besar yang disediakan oleh Google sebagai enjin carian paling popular di dunia.

"Oleh kerana tidak ramai yang boleh mengajar *Google Adwords* di negara ini, saya mengambil keputusan untuk menghadiri kursus itu di ibu pejabat Google di Amerika Syarikat.

"Berebalkan ilmu dan kelayakan yang ada, sekarang saya mampu berkongsi pengetahuan mengenai kepada usahawan tempatan.

"Alhamdulillah sambutan yang diterima sangat luar biasa walaupun tahap kesedaran penggunaan *Google Adwords* masih rendah di Malaysia," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Beliau berkata, keistimewaan servis pengiklanan berbayar secara atas talian itu merupakan platform terbaik yang wajar dimanfaatkan oleh usahawan untuk memasar dan meningkatkan potensi perniagaan.

"Walaupun peniaga boleh menggunakan pelbagai medium pengiklanan percuma yang ditawarkan di Google sendiri atau di laman sosial, ia masih tidak boleh menandingi kehebatan *Google Adwords*," katanya.

Ujar beliau, servis pengiklanan itu membolehkan pemilik per-

niagaan mendapatkan posisi pautan paling atas dalam senarai carian enjin Google dengan lebih cepat dan tepat kepada pengguna. Ini secara tidak langsung membawa kepada peningkatan jualan mereka.

"Seminar *Google Adwords* yang diadakan setiap dua atau tiga bulan sekali ditawarkan pada harga pakej antara RM50 hingga RM200. Maklumat lanjut mengenai seminar ini boleh diakses di laman sesawang [www.SifuAdwords.my](http://www.SifuAdwords.my)

"Bayaran yang dikenakan tidak mahal jika dibandingkan dengan pulangan yang bakal diperolehi. Ada yang berjaya meningkatkan jualan sehingga 10 kali ganda selepas menyertai kursus ini," ujarnya.

Sementara itu, WanMus berkata, selain mengikuti seminar *Google Adwords*, usahawan tempatan dijemput mendaftar secara percuma di platform pengurusan jualan atas talian milik syarikatnya iaitu [www.Onpay.my](http://www.Onpay.my).

Jelasnya, laman sesawang yang diwujudkan sejak dua tahun lalu kini mempunyai kira-kira 2,600 ahli dan telah menguruskan jualan terkumpul hampir RM20 juta.

Selain itu katanya, platform yang menampilkan pelbagai fungsi dan ciri-ciri yang boleh dibangunkan mengikut kesesuaian perniagaan itu bukan sahaja mampu memaksimumkan impak pemasaran bahkan menepati sasaran pelanggan.

"Kami menasaskan bilangan usahawan meningkat kepada 4,500 orang pada tahun depan dengan jumlah jualan meningkat kepada RM40 juta," ujar beliau selaku Pengarah syarikat Onpay Solutions Sdn. Bhd.



info

**WANMUS  
TECHNOLOGIES  
ENTERPRISE**

**Alamat:** 45-1, Tingkat 1, Blok F, Platinum Walk, Setapak, Wilayah Persekutuan, 53300 Kuala Lumpur, Malaysia  
**Telefon:** 019-986 9556  
Maklumat seminar  
**Laman sesawang:** [www.SifuAdwords.my](http://www.SifuAdwords.my)  
**Laman sesawang Onpay:** [www.OnPay.my](http://www.OnPay.my)

WAN MOHD MUSYRIS WAN HARUJAN pada seminar *Google Adwords* yang dihadiri kira-kira 400 peserta di Kuala Lumpur, baru-baru ini.